

24 APR 1999

FITNAH PAS PERSENDAKAN AGAMA, KATA YUSOF NOOR

JERTEH, 24 April (Bernama) -- Parti pembangkang PAS kini lebih berani dan tidak bertanggungjawab untuk mereka-reka cerita demi kepentingan politik mereka, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Noor hari ini.

"Para pemimpin PAS membuat cerita sehingga sanggup mempersendakan agama Islam walaupun pada masa yang sama mendakwa sebagai pejuang Islam," katanya di sini.

Beliau mendakwa pembohongan terbaru pemimpin-pemimpin PAS ialah kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebenarnya tidak mengerjakan haji pada musim haji baru-baru ini.

"Mereka membuat fitnah bahawa Dr Mahathir dan isteri telah pulang ke tanahair semula kerana dikatakan terlupa membawa kain ihram semasa di Mekah," katanya.

Dr Yusof berkata sepanjang Dr Mahathir dan isteri di Mekah pada Mac lepas, rombongan mereka diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau mengingatkan masyarakat Islam supaya tidak mudah terpedaya dengan gelagat pemimpin-pemimpin PAS yang menurutnya jelas mementingkan diri masing-masing.

"Walaupun mereka mendakwa sebagai parti Islam tetapi sering membuat tuduhan-tuduhan melulu sehingga menjatuhkan imej agama Islam itu sendiri serta orang lain," katanya.

-- BERNAMA

ND RON